

Waris, komuniti perlu lindungi warga tua elak perangkap scammer

• Realitinya, warga tua sering menjadi mangsa penipuan kerana mereka mudah terpengaruh dengan janji manis dan taktik kelihatan sah daripada scammer, selain kurangnya pendedahan kepada teknologi moden

• Misi melindungi warga tua daripada scammer memerlukan pendekatan holistik dan bersepadu pelbagai pihak terutama keluarga, komuniti, kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO)

Oleh Dr Aidanajwa Sabri
bhrencana@bh.com.my



Pensyarah Kanan,
Pusat Pengajian
Kerajaan, Universiti
Utara Malaysia

Penipuan terhadap warga tua menjadi antara isu semakin membimbangkan di Malaysia. Dengan populasi yang semakin menua, golongan warga emas menjadi sasaran utama penjenayah yang menggunakan pelbagai taktik untuk menipu mereka.

Statistik menunjukkan peningkatan dalam kes penipuan atau scammer membabitkan warga tua, termasuk penipuan telefon, dalam talian dan skim kewangan palsu.

Rekod Polis Diraja Malaysia (PDRM) menunjukkan jumlah kerugian dialami warga tua yang menjadi mangsa penipuan dalam talian bagi tempoh 2021 hingga 2023 lalu mencecah RM552.5 juta. Realitinya, warga tua sering menjadi mangsa penipuan kerana mereka mudah terpengaruh dengan janji manis dan taktik kelihatan sah daripada scammer, selain kurangnya pendedahan kepada teknologi moden.

Maka, scammer sering memanfaatkan kelemahan ini untuk mengeksploitasi warga tua apatah lagi jika ada dalam kalangan mereka mengalami penurunan kemampuan kognitif seperti ingatan, perhatian dan pemikiran kritikal.

Ini boleh mengurangkan keupayaan mereka mengenal pasti penipuan dan membuat keputusan bijak. Penurunan daya ingatan membuat mereka lebih cenderung lupa nasihat keselamatan atau peringatan penipuan pernah diterima.

Selain itu, warga tua juga cenderung mempunyai tahap kepercayaan lebih tinggi terhadap orang lain, terutama jika penipu kelihatan meyakinkan atau menggunakan taktik memanipulasi emosi.

Mereka mungkin kurang berwaspada dan tidak bersikap was-was terhadap tawaran atau permintaan tidak dijangka. Kelemahan terhadap teknologi moden menyebabkan mereka tidak tahu penipuan dalam talian seperti e-mel phishing, laman web palsu atau mesej spam.

Apatah lagi jika warga tua hari ini ramai hidup bersendirian atau berjauhan dengan ahli keluarga atau anak-anak. Maka, penipu menggunakan kesepian ini mendekati dan memanipulasi mereka. Kesepian membuat mereka lebih cenderung memperdaya dan menerima tawaran daripada orang asing walaupun baru dikenali.

Sesetengah warga tua mungkin menghadapi masalah kewangan akibat kekurangan simpanan atau pencen tidak mencukupi. Keperluan kewangan ini membuat mereka terdesak menerima tawaran kelihatan menguntungkan.

Tekanan ini boleh menyebabkan mereka membuat keputusan tidak bijak, seperti melabur dalam skim cepat kaya atau memberikan maklumat peribadi kepada penipu yang menjanjikan bantuan kewangan seperti memohon bantuan e-kasih.

Maka, kekurangan sokongan sosial daripada keluarga dan komuniti boleh meningkatkan risiko mereka menjadi mangsa penipuan kerana tidak mempunyai tempat mendapatkan rujukan, nasihat atau bantuan.

Antara modus operandi penipuan menyasarkan warga tua adalah penipuan telefon, dalam talian,

kesihatan dan kewangan. Dalam penipuan telefon, penipu sering membuat panggilan mendakwa dari pihak berkuasa seperti polis atau institusi kewangan dengan meminta maklumat peribadi atau pembayaran segera untuk mengelakkan tindakan undang-undang atau denda.

Dalam penipuan dalam talian pula, penipu akan menghantar e-mel dan mesej kelihatan sah memancing maklumat peribadi (phishing) atau mengarahkan mangsa ke laman web palsu mencuri data peribadi.

Selain itu, penipu sering membuat penipuan berkaitan kesihatan menawarkan produk kesihatan atau perubatan menjanjikan penyembuhan ajaib atau faedah kesihatan luar biasa, tetapi sebenarnya tidak berkesan atau tidak wujud.

Akhir sekali, penipuan kewangan melalui skim pelaburan palsu, hadiah cabutan bertuah atau warisan palsu meminta bayaran pendahuluan atau maklumat peribadi mangsa.

Paling penting, ahli keluarga dan komuniti perlu membantu memantau aktiviti kewangan dan digital warga tua untuk mengesan sebarang penipuan. Kumpulan sokongan dalam komuniti boleh diwujudkan bagi memberikan nasihat dan sokongan kepada warga tua

Beri pendedahan asas, elak jadi mangsa tipu

Justeru, misi melindungi warga tua daripada scammer memerlukan pendekatan holistik dan bersepadu pelbagai pihak terutama keluarga, komuniti, kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

Dalam hal ini, terdapat beberapa cara untuk melindungi warga tua daripada penipuan, antaranya melalui pendidikan dan kesedaran melalui televisyen, radio, akhbar, dan platform media sosial untuk mendidik warga tua bentuk penipuan biasa berlaku dan bagaimana mengelakkannya.

Warga tua juga perlu didedahkan asas penggunaan internet dan telefon pintar bagi mengelakkan mereka menjadi mangsa penipuan. Jika perlu, kerajaan, NGO dan swasta patut mewujudkan pusat sokongan teknologi di komuniti untuk membantu warga tua dengan isu teknikal dan memberikan nasihat keselamatan dalam talian.

Telefon pintar milik warga tua juga perlu dimuat turun penapis panggilan untuk menghalang panggilan daripada nombor tidak dikenali atau mencurigakan.

Paling penting, ahli keluarga dan komuniti perlu membantu memantau aktiviti kewangan dan digital warga tua untuk mengesan sebarang penipuan. Kumpulan sokongan dalam komuniti boleh diwujudkan bagi memberikan nasihat dan sokongan kepada warga tua.

Warga tua juga perlu digalakkan terbahit dalam aktiviti sosial dan komuniti untuk mengurangkan kesepian serta dan risiko penipuan. Kerjasama dengan NGO, organisasi sukarelawan dan sektor korporat juga perlu diperluas serta digandakan untuk menyediakan pendidikan, sokongan dan bantuan kepada warga tua bagi meningkatkan kesedaran risiko penipuan dan cara mengelakkannya.

Apa yang penting, usaha melindungi warga tua daripada penipuan memerlukan usaha bersepadu pelbagai pihak, namun ia tetap menjadi tanggungjawab ahli keluarga apatah lagi anak-anak dan masyarakat untuk melindungi mereka.

Dengan usaha bersepadu, mereka boleh dijamin untuk menikmati kehidupan tenang dan selamat, tanpa perlu bimbang ancaman penipuan sentiasa menanti.

